

# Lebih 50,000 dijangka kunjungi pesta buku

UB 17-08-2012 A3

**KOTA KINABALU:** Perpustakaan Negeri Sabah menysasar kehadiran lebih 50,000 pengunjung ke Pesta Buku Kota Kinabalu 2012 yang akan diadakan di Kompleks Beli-Belah Suria Sabah selama sembilan hari bermula 1 September depan.

Pengarah Perpustakaan Negeri Sabah, Wong Vui Yin berkata pelbagai jenis buku akan dijual pada harga istimewa selain aktiviti menarik akan disediakan kepada pengunjung sepanjang pesta buku itu berlangsung.

Katanya pesta itu yang akan dibuka dari jam 7 pagi sehingga 9 malam akan mempamerkan 90 gerai yang menjual pelbagai jenis buku.

“Pengunjung turut berpeluang mendapatkan buku terbitan terbaru. Tema pesta buku kali ini ialah Buku Tanpa Sempadan,” katanya kepada pemberita di sini, kelmarin.

Wong berkata antara peserta pesta buku itu ialah penjual dan pengedar buku, penerbit, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kadazandusun Language Foundation (KLF), Dewan Pustaka Brunei dan Majalah Times.

“Oleh itu kita mengalu-alukan orang ramai supaya tidak melepaskan peluang keemasan untuk mengunjungi pesta buku itu yang menyediakan pelbagai jenis buku dalam pelbagai bahasa dan harga yang berpatutan,” katanya.

Beliau berkata pesta buku itu dijangka akan dirasmikan oleh Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna negeri Datuk Azizah Mohd Dun. - Bernama